



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
No. 9

28hb April 2005

*TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 6.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003**

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

**HUKUM PEMBAYARAN SIMPANAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA
(KWSP) BAGI AHLI YANG MEMELUK AGAMA ISLAM**

- (1) Orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitu juga sebaliknya.
- (2) Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah

menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka harta itu tidak menjadi hak kepada penama yang bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

- (3) Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

Bertarikh 17 Januari 2005

Dated 17 January 2005

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 7.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

GARIS PANDUAN MENGENAI ANAK TAK SAH TARAF MENURUT HUKUM SYARA'

Sighah berkaitan anak tak sah taraf menurut hukum syara' ialah:

- (1) Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syara'.
- (2) Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu "*Imkan ad Dukhul*" dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat.
- (3) Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu "*Imkan ad Dukhul*" selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi

syara' bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syara'.

Bertarikh 17 Januari 2005

Dated 17 January 2005

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 8.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 47

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM PERADUAN SMS DAN MENYERTAINYA MENURUT PANDANGAN ISLAM

- (1) Hukum menyertai peraduan SMS adalah *haram* berdasarkan kepada ayat Al-Quran dan hadis serta ijma' ulama kerana proses peraduan SMS ini dijalankan adalah tidak jelas (mengandungi gharar) dan mempunyai unsur-unsur perjudian.

Bertarikh 17 Januari 2005

Dated 17 January 2005

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/*By Command*

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

Sel. P.U. 9.

ORDINAN BINATANG 1953

PERINTAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 36(1)

BAHAWASANYA, suatu penyakit yang berjangkit bernama penyakit flu unggas berkemungkinan merebak di Negeri Selangor;

DAN BAHAWASANYA, adalah menjadi hasrat untuk mencegah merebaknya flu unggas di Negeri Selangor.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, saya, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar Negeri Selangor, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Ordinan Binatang 1953 [*Ord. 17/1953*], mengisytiharkan bahawa mulai 31 Mac 2005, Negeri Selangor menjadi suatu kawasan kawalan flu unggas;

DAN BAGI MAKSUD TERSEBUT, melarang pengalihan dan pemindahan apa-apa burung atau karkas, atau bahagiannya (termasuk tahi, bulu, organ dan benda lain yang seumpamanya)—

- (a) masuk ke dalam Negeri Selangor, kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah Negeri Perkhidmatan Haiwan di Semenanjung Malaysia di tempat pengalihan dan pemindahan burung atau karkas, atau bahagiannya (termasuk tahi, bulu, organ dan benda lain yang seumpamanya) berasal; dan
- (b) keluar dari Negeri Selangor kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Selangor.

Bertarikh 14 April 2005

[JPH/BP/Sel. 213 Jld. 2; PU. Sel. 346/HWN]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

Menteri Besar

Selangor

ANIMALS ORDINANCE 1953

ORDER UNDER SUBSECTION 36(1)

WHEREAS, the disease of fowl plague may be introduced in the State of Selangor;

AND WHEREAS, it is desired to prevent the introduction of fowl plague in the State of Selangor;

NOW THEREFORE, I, Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Animals Ordinance 1953 [*Ord. 17/1953*], declare that with effect from 31 March 2005, the State of Selangor to be a fowl plague control area;

AND FOR THAT PURPOSE, prohibit the removal and movement of any bird or carcase or part thereof (including droppings, feathers, organs and other similar things)—

- (a) into the State of Selangor, except with the written permission of the State Director of Veterinary Services in Peninsular Malaysia where the removal and movement of the bird or carcase or part thereof (including droppings, feathers, organs and other similar things) originated; and
- (b) out of the State of Selangor except with the written permission of the Director of the Veterinary Services, Selangor.

Dated 14 April 2005

[JPH/BP/Sel. 213 Jld. 2; PU. Sel. 346/HWN]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
Menteri Besar
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA